

TARIKH	3 / 4 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	34	RUANGAN	BISNES

## Tabung Haji terima tawaran tapi bersyarat

**L**EMBAGA Tabung Haji (Tabung Haji) mengumumkan secara bersyarat menerima cadangan tawaran daripada syarikat berpangkalan di Indonesia untuk memiliki 95 peratus kepentingan ekuitinya dalam PT TH Indo Plantation (THIP).

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Tabung Haji, Datuk Ismee Ismail berkata, THIP memiliki dan mengusahakan 83,879 hektar ladang sawit di Riau, Indonesia.

"Tawaran ini dijangka memberi peluang baik kepada syarikat untuk merealisasikan kenaikan nilai pelaburannya dalam THIP.

"Berbanding nilai dengan pelaburan awalnya, tawaran yang diterima bakal memberi transaksi dan pulangan pelaburan baik seperti ini sekali gus memberi faedah kepada pendeposit secara langsung," katanya dalam kenyataan di Kuala Lumpur.